

Saham ICAP atasi prestasi S&P 500,


PETALING JAYA — Harga saham icapital.biz Berhad (ICAP), satu-satunya dana tutup tersenarai di Malaysia, telah mengatasi prestasi indeks MSCI Malaysia, indeks S&P500 dan Nasdaq dalam tempoh setahun dalam terma Dolar AS dari 1 April 2023 sehingga 29 Mac 2024.

Sepanjang tempoh setahun itu, harga saham ICAP memberi pulangan 47.75 peratus, manakala pulangan MSCI Malaysia adalah -0.98 peratus dan S&P500 serta Nasdaq masing-masing pada 27.86 peratus dan 34.02 peratus.

Sementara dalam tempoh tiga tahun, ICAP masih mengatasi prestasi tiga indeks yang lain dengan pulangan 49.34 peratus. Indeks MSCI Malaysia, S&P500 dan Nasdaq pula masing-masing memberi pulangan -17.58 peratus, 32.26 peratus dan 23.65 peratus.

Sehingga 29 Mac 2024, jumlah nilai aset bersih ICAP adalah RM536 juta, atau RM3.82 sesaham berdasarkan 140 juta saham terkumpulnya.

Individu Yang Dilantik ICAP, Tan Teng Boo berkata, beliau kini kembali yakin dengan pasaran Malaysia dan berpan-dangan bahawa Indeks Kom-



TAN TENG BOO

posit Kuala Lumpur (KLCI) bersedia untuk pasaran menaik yang berpanjangan dalam tem-poh tiga hingga lima tahun akan datang, didorong oleh lantunan makro.

Beliau meramalkan indeks KLCI mencecah 2,500 hingga 3,000 mata dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang.

“Siapa kata Malaysia bukan destinasi pelaburan yang baik? Ia lebih baik daripada melabur dalam Nasdaq.

“Ini tentang memilih aset Malaysia yang betul. Jika anda melabur dalam saham ICAP, tidak perlu risau tentang Ringgit,” katanya dalam kenyataan.